Rangka Kerja Kadar Faedah Baru

Satu perkembangan penting pada tahun 2004 ialah pelaksanaan rangka kerja kadar faedah baru pada 26 April 2004. Rangka kerja baru ini memperkenalkan kadar dasar yang baru dan pembaikan terhadap pengendalian operasi monetari serta menghapuskan kadar bumbung bagi kadar pemberian pinjaman asas (BLR) dan spread pemberian pinjaman yang ditetapkan. Kini, institusi perbankan boleh menetapkan BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi perniagaan mereka. Perubahan yang diperkenalkan bertujuan meningkatkan keberkesanan dasar monetari dengan memudahkan penghantaran pergerakan dalam kadar dasar kepada kadar pasaran yang lain dan akhirnya, kepada penunjuk makroekonomi utama. Rangka kerja baru ini juga berfungsi sebagai pemangkin untuk penetapan harga produk kewangan dan perkhidmatan yang cekap oleh institusi perbankan. Penyahkawalseliaan penetapan harga merupakan inisiatif utama dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP) bagi memastikan tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam peruntukan dan pengagihan sumber dalam sektor kewangan.

Peralihan kepada rangka kerja kadar faedah baru adalah tepat pada masanya berikutan asas makroekonomi yang menggalakkan dan infrastruktur kewangan yang lebih maju, yang disokong oleh sistem perbankan yang kukuh serta rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang mantap. Faktor-faktor ini diperteguh oleh rangka kerja perlindungan pengguna yang terus dipertingkatkan.

Perubahan Pelaksanaan dan Komunikasi Dasar Monetari

Bagi memberi isyarat yang lebih berkesan dan meningkatkan kecekapan mekanisme penghantaran monetari, Bank Negara Malaysia memilih kadar dasar yang berhubung rapat dengan kadar faedah lain. Bank juga membuat penambahbaikan kepada prosedur operasi monetari. Di bawah rangka kerja kadar faedah baru, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk kepada teras dasar monetari. Pada asasnya, OPR merupakan sasaran bagi kadar antara bank semalaman purata (AOIR). Di samping itu, AOIR berfungsi sebagai sasaran utama dalam operasi mudah tunai harian Bank Negara Malaysia. Kadar antara bank semalaman dipilih sebagai kadar dasar kerana kandungan jangkaan yang sedikit dan amat mudah dikawal.

Operasi mudah tunai pada tempoh matang selain daripada tempoh matang semalaman dilaksanakan tanpa mensasarkan kepada sebarang paras kadar faedah tertentu. Oleh itu, kadar faedah antara bank bagi tempoh matang yang lain ditentukan oleh pasaran. Bagi mencerminkan teras dasar monetari yang tidak berubah ketika pelaksanaan rangka kerja baru, OPR telah ditetapkan pada paras semasa AOIR, iaitu 2.70%. Pada tempoh 26 April – 31 Disember 2004, AOIR bergerak dalam julat yang kecil antara 2.65 –2.74%, dengan purata keseluruhan pada 2.70%.

Bagi mengelakkan volatiliti AOIR yang berlebihan, Bank Negara Malaysia telah menetapkan koridor kadar faedah dan memperkenalkan kemudahan tersedia. Pada asasnya, kadar pasaran dibenarkan bergerak dalam koridor ± 25 mata asas melingkungi OPR. Kadar bumbung dan kadar lantai koridor merupakan kadar yang pihak Bank Negara Malaysia bersedia untuk memberikan pinjaman kepada atau meminjam daripada pasaran bagi mengawal keadaan apabila terdapat baki kekurangan atau lebihan mudah tunai semalaman.

Dalam mengurus mudah tunai, Bank mula menggunakan operasi pasaran terbuka secara repo di samping pinjaman langsung dalam mengendalikan urus niaga dalam pasaran wang. Sebelum ini operasi pasaran terbuka tidak dapat dilaksanakan berikutan kekurangan sekuriti yang sesuai. Keadaan ini dapat diatasi sebahagiannya dengan memperkenalkan Program Penjagaan Sekuriti untuk Pelabur-pelabur Institusi (ISCAP) pada penghujung tahun 2004. Melalui ISCAP, Bank Negara Malaysia akan meminjam sekuriti, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) daripada pelabur institusi utama seperti dana pencen dan syarikat insurans untuk melaksanakan operasi repo.

Graf 1
Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman 26 April - 31 Disember 2004



Satu aspek penting bagi meningkatkan mekanisme penghantaran monetari di bawah rangka kerja kadar faedah baru ini ialah komunikasi mengenai dasar monetari. Teras dasar Bank Negara Malaysia menjadi lebih telus dengan adanya kadar sasaran dasar dan kadar sasaran operasi yang jelas serta pengumuman keputusan dasar monetari melalui Pernyataan Dasar Monetari (MPS). Pengumuman keputusan dasar monetari secara berstruktur dan telus mengurangkan ketidakpastian mengenai teras dan haluan dasar monetari di kalangan peserta pasaran. Sebarang perubahan berhubung OPR akan diumumkan melalui MPS. MPS diterbitkan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada setiap suku tahunan dan diumumkan serentak dengan pengumuman prestasi KDNK. Jika terdapat perubahan dalam teras dasar monetari antara dua tarikh yang ditetapkan itu, MPS tambahan akan diterbitkan.

Kesan Rangka Kerja Kadar Faedah Baru

Pengenalan rangka kerja kadar faedah baru melibatkan perubahan terhadap sistem pelaksanaan dasar monetari. Walau bagaimanapun, teras dasar monetari tidak berubah. Pengenalan rangka kerja baru ini tidak akan menyebabkan perubahan ke atas kos dana institusi perbankan. Dengan itu, secara amnya, tiada perubahan yang ketara dijangka berlaku ke atas paras kadar faedah.

Kadar Pemberian Pinjaman dan Pembiayaan

Di bawah rangka kerja baru, kadar pinjaman maksimum yang ditawarkan oleh institusi perbankan tidak tertakluk kepada formula BLR. Spread pemberian pinjaman maksimum BLR sebanyak 2.5 mata peratusan juga dihapuskan. Sebaliknya, BLR setiap institusi perbankan ditentukan berdasarkan struktur kos dan strategi pinjamannya serta tahap persaingan dalam industri.

Pada akhir tahun 2004, purata BLR bank perdagangan secara relatifnya stabil pada paras 5.98% (6.00% pada akhir tahun 2003) dengan penurunan BLR dibuat oleh sebuah institusi perbankan. Purata BLR syarikat kewangan kekal tidak berubah pada paras 6.90% setahun. Memandangkan teras dasar monetari tidak berubah, kebanyakan institusi perbankan dijangka tidak mengubah BLR untuk jangka pendek dan sederhana.

Dengan penghapusan kadar bumbung pemberian pinjaman, kadar pinjaman lebih berdasarkan pada profil risiko peminjam atau projek. Fleksibiliti yang dimiliki institusi perbankan bagi menentukan spread telah meningkatkan akses pembiayaan kepada peminjam yang sebelum ini menghadapi masalah mendapatkan dana. Pada masa ini, telah ada institusi perbankan yang memperkenalkan pakej pinjaman yang khusus untuk individu dan perusahaan perniagaan kecil.

PKS terus menikmati akses kepada pembiayaan di bawah rangka kerja kadar faedah baru, dengan meningkatnya permintaan untuk dana seperti yang dicerminkan oleh permohonan pinjaman yang lebih tinggi pada separuh tahun kedua. Pada tempoh yang sama, kelulusan dan pengeluaran pinjaman juga meningkat. Pada masa yang sama, kadar pemberian pinjaman untuk pembiayaan kepada sektor PKS secara purata kekal kompetitif. Pada separuh tahun kedua, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan kepada PKS oleh bank perdagangan ialah 6.37% setahun berbanding dengan 6.42% pada enam bulan pertama. Bagi sektor perusahaan perniagaan secara keseluruhan, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan pada separuh tahun kedua ialah 5.79% setahun berbanding dengan 5.89% pada enam bulan pertama tahun 2004. Bagi sektor yang berkaitan pengguna, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang oleh syarikat kewangan, masing-masing pada kadar 3.27% dan 6.74% pada separuh tahun kedua berbanding dengan 3.58% dan 6.82% pada enam bulan pertama.

Bank Negara Malaysia akan terus memantau kadar pemberian pinjaman yang dikenakan oleh institusi perbankan. Bagi memastikan penentuan kadar yang adil dan saksama, pelbagai langkah baru telah dilaksanakan untuk memelihara kepentingan pengguna. Langkah-langkah ini bertujuan meningkatkan ketelusan dan penzahiran produk, mengukuhkan infrastruktur pembelaan ke atas pengguna, di samping meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai (untuk penjelasan lanjut, sila rujuk **Pengurusan Sistem Perbankan** dalam Bab 5).

Kadar pemberian pinjaman yang ditetapkan untuk pembiayaan yang diperuntukkan melalui dana khas PKS yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia kekal tidak berubah. Had maksimum yang dikenakan ke atas kadar pemberian pinjaman perumahan yang disalurkan pada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana di bawah Garis Panduan Pinjaman kepada Sektor Keutamaan juga dikekalkan. Di samping itu, kadar pemberian pinjaman bagi pinjaman sewa beli masih tertakluk di bawah Akta Sewa Beli 1967 sementara kadar pemberian pinjaman bagi kad kredit tertakluk kepada kadar faedah maksimum sebanyak 18% setahun seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Kad Kredit yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

Kadar Deposit

Dalam urutan liberalisasi kadar faedah, perbezaan telah dibuat antara urus niaga borong dengan runcit serta antara urus niaga pinjaman dengan deposit. Pendekatan yang diambil secara beransur-ansur ini bertujuan memastikan supaya peralihan berjalan lancar dan pada masa yang sama, mengambil kira tahap kemajuan kewangan yang berbeza di kalangan peserta pasaran iaitu institusi kewangan, perusahaan perniagaan dan orang ramai.

Pendekatan yang diambil secara beransur-ansur bertujuan memastikan peralihan yang lancar di bawah rangka kerja kadar faedah baru supaya proses pengantaraan tidak terjejas. Satu lagi aspek penting ialah sebahagian besar penduduk terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana bergantung kepada simpanan dalam bentuk deposit bank. Oleh itu, kadar minimum ditetapkan bagi deposit kurang daripada RM1 juta bagi tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan. Walaupun kadar deposit ditetapkan, Bank Negara Malaysia telah menyediakan persekitaran yang membolehkan institusi perbankan mempelbagaikan produk bagi memenuhi keperluan di kalangan penabung yang mempunyai profil risiko pulangan yang berbeza. Di samping itu, Bank Negara Malaysia telah berusaha meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai.